

International Journal of Modern Education (IJMOE)

Journal Website: <http://ijmoe.com/>
eISSN: 2637-0905



PELAKSANAAN PROJEK PENYIASATAN DALAM KALANGAN PELAJAR PRASISWAZAH PENDIDIKAN AWAL KANAK- KANAK SEMASA MENJALANI LATIHAN MENGAJAR

*IMPLEMENTATION INVESTIGATION PROJECT AMONG UNDERGRADUATE
STUDENTS IN EARLY CHILDHOOD EDUCATION DURING THEIR TEACHING
TRAINING*

Azizah Zain^{1*}, Mazlina Che Mustafa², Jamilah Mohd Basir³

¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: azizah.zain@fpm.upsi.edu.my

² Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: mazlina.cm@fpm.upsi.edu.my

³ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: jamilah.basir@fpm.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 21.02.2020

Revised date: 24.02.2020

Accepted date: 13.03.2020

Published date: 15.03.2020

To cite this document:

Zain, A., Mustafa, M. C., & Basir, J. M. (2020). Pelaksanaan Projek Penyiasatan dalam Kalangan Pelajar Prasiswazah Pendidikan Awal Kanak-Kanak Semasa Menjalani Latihan Mengajar International Journal of Modern Education, 2(4), 68-77.

DOI: 10.35631/IJMOE.24006.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan Projek Penyiasatan dalam kalangan pelajar prasiswazah semasa menjalani latihan mengajar Projek Penyiasatan merupakan salah satu pendekatan yang diadaptasikan daripada pendekatan projek yang terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Dalam kajian ini data dikumpul dengan menggunakan soal selidik dan protokol temubual. Soal selidik yang digunakan bertujuan untuk mendapat maklumat mengenai pengetahuan pelajar dalam melaksanakan Projek Penyiasatan manakala temu bual dijalankan untuk mengetahui pelaksanaan Projek Penyiasatan bagi pelajar yang menjalani latihan mengajar dengan menggunakan Garis Panduan Guru. Sampel kajian adalah persampelan bertujuan. Instrumen soal selidik dijawab oleh 107 orang pelajar dan protokol temu bual dijalankan kepada 5 orang pelajar yang sedang menjalani latihan mengajar. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar prasiswazah Pendidikan Awal Kanak-kanak terhadap Projek Penyiasatan berada pada tahap sederhana mahir dengan nilai min keseluruhan 2.69. Dapatkan daripada protokol temu bual mendapati garis panduan guru yang diberi kepada mereka membantu dalam melaksanakan Projek Penyiasatan dengan lebih berkesan. Kesimpulannya pelajar prasiswazah memerlukan satu panduan yang boleh digunakan dalam membantu mereka melaksanakan pendekatan ini kerana mereka kurang didedahkan dengan pendekatan ini semasa belajar. Implikasi kajian ini

telah memberi pendedahan yang sangat berguna kepada bakalbakal guru TADIKA di Malaysia.

Kata Kunci:

Projek Penyiasatan, Pendekatan, Prasiswazah Dan Latihan Mengajar

Abstract:

The purpose of this study was to investigate undergraduate students' knowledge in the implementation of the Investigation Project during their teaching practice. Investigation Project is one of the approaches adopted from the Project Approach. This approach included in the National Preschool Standard Curriculum. In this study, data were collected using questionnaire and interview protocol. The survey was used to obtain information on the students' knowledge of implementing the Investigation Project. At the same time, the interviews were conducted to find out the implementation of the Investigation Project for students undergoing teaching practice using the Teacher's Guide. The study sample is purposive sampling. One hundred seven students answered the questionnaire, and the interview protocol administered to 5 students who are implementing the Investigation Project in their teaching practices using Teacher Guidelines. The findings of the study indicate that the level of knowledge of the Early Childhood Education students in the Investigation Project is at a moderate level with an overall mean value of 2.69. The findings from the interview protocol found that the Teacher Guidelines provided to them helped them to implement the Investigation Project more effectively. The conclusion, this study showed that postgraduate students need a practical guide in assisting them to achieve this approach as they are less exposed to this approach while studying. The implications of this study have provided beneficial exposure to potential TADIKA teachers in Malaysia.

Keywords:

Investigation Project, Approach, Undergraduate And Teaching Practice

Pengenalan

Dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, (KSPK, 2016) telah dinyatakan pendekatan yang sesuai digunakan oleh guru prasekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang perlu disesuaikan dengan aktiviti dan kebolehan kanak-kanak. Penekanan diberi terhadap penggunaan pendekatan yang menyokong pembangunan komuniti murid prasekolah yang kreatif dan berfikiran terbuka melalui aktiviti-aktiviti yang memberi peluang kepada mereka untuk melibatkan diri dalam proses membuat keputusan dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri. Beberapa pendekatan yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak telah dicadangkan dalam KSPK termasuklah pendekatan projek. Pendekatan Projek menurut Katz dan Chard (2000) dapat menggalakkan penerokaan ilmu, Walker dan Leary (2009) pula menyifatkan pendekatan projek sebagai pendekatan yang lebih berkesan berbanding pendekatan tradisional. Kemahiran dan pengetahuan pelajar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak perlulah selari dengan kehendak dalam kurikulum semasa dan mempunyai kemahiran pedagogi selari dengan peredaran zaman.

Oleh itu sebelum menjadi guru pendidikan awal di dunia sebenar, pelajar dalam bidang ini perlu menguasai segala kemahiran dalam pedagogi dengan memahami pendekatan-pendekatan yang perlu dilaksanakan dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak. Mereka perlu

memantapkan kemahiran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan Pendekatan Projek supaya mereka dapat bersedia untuk melaksanakan amalan pengajaran yang berpusatkan murid serta mencabar minda murid.

Pernyataan Masalah

Penguasaan dan peningkatan dalam pengetahuan dan kemahiran kanak-kanak di tadika dipengaruhi oleh kualiti pengajaran yang digunakan oleh guru semasa di dalam kelas. Pelaksanaan pendekatan yang sesuai dan berkesan oleh guru akan melahirkan kanak-kanak yang berkualiti di masa akan datang. Dalam KSPK ada mengatakan bahawa guru perlu bijak menggunakan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan tahap perkembangan, keperluan, kebolehan, bakat dan minat seseorang kanak-kanak agar pembelajaran menjadi lebih berkesan dan bermakna. KSPK juga telah mencadangkan beberapa pendekatan yang boleh digunakan oleh guru prasekolah termasuklah pendekatan berdasarkan projek.

Aspek kawalan kelas dan masalah kanak-kanak dalam memahami arahan guru merupakan salah satu faktor pendekatan ini tidak diaplikasi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di TADIKA. (Ng dan Anna Christina Abdullah, 2011). Terdapat juga guru yang keliru dan kurang pasti dalam merancang aktiviti, menetapkan masa, keperluan bahan dan cara memantau aktiviti berdasarkan projek yang boleh mempengaruhi keberkesaan pelaksanaan pendekatan ini. Seorang pendidik seharusnya bersifat berani untuk memulakan sesuatu yang baru kepada kanak-kanak sesuai dengan perkembangan semasa supaya dapat menilai tahap pengetahuan kanak-kanak dalam menguasai sesuatu topik dengan lebih berkesan. Hal ini telah menimbulkan satu masalah kepada pelajar latihan mengajar untuk mengubah strategi pembelajaran yang selalu digunakan di tadika kepada pendekatan projek yang memerlukan lebih banyak masa untuk memastikan fasa-fasa dalam pendekatan projek berjalan dengan baik.

Terdapat guru yang kurang pasti dan kekeliruan tentang perancangan aktiviti, perancangan masa, penyediaan bahan dan pemantauan ketika menjalankan aktiviti berdasarkan projek boleh mempengaruhi keberkesaan pelaksanaan pendekatan projek (Noor Miza Abdul Rahman, 2012). Masalah membuat perancangan aktiviti dalam pendekatan ini juga dihadapi oleh pelajar-pelajar prasiswazah yang menjalani latihan mengajar. Memandangkan kurangnya pendedahan semasa kuliah tentang pendekatan ini secara amali sebelum mereka keluar menjalani latihan mengajar menyebabkan mereka tidak mahir untuk melaksanakannya. Pelajar yang sedang menjalani latihan mengajar lebih suka melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid. Aktiviti dilakukan berdasarkan buku kerja yang digunakan di TADIKA tempat mereka menjalani latihan mengajar. Kurangnya pendedahan menyebabkan mereka lebih suka menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusatkan guru. Kebanyakan pelajar ini tidak mengetahui bahawa dalam pendekatan ini mereka secara tidak langsung turut melaksanakan pendekatan-pendekatan lain kerana sifat pendekatan projek yang boleh menggabungkan pelbagai kemahiran dan teknik pengajaran.

Oleh itu pelajar yang akan menjalani latihan mengajar perlu diberi satu garis panduan untuk melaksanakan pendekatan projek dengan lebih berkesan dari aspek kawalan kelas dan memberi arahan kepada kanak-kanak memandangkan mereka masih belum berpengalaman dalam mengendalikan aktiviti dalam pendekatan projek penyiasatan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pendekatan yang digunakan oleh pelajar prasiswazah semasa menjalani latihan mengajar dan pengetahuan mereka dalam melaksanakan projek penyiasatan semasa menjalani latihan mengajar. Objektif seterusnya adalah melihat

pelaksanaan projek penyiasatan dengan menggunakan Garis Panduan Guru. Objektif kajian selari dengan persoalan kajian dalam kajian ini iaitu mengkaji pendekatan yang digunakan dan pengetahuan pelajar prasiswazah dalam melaksanakan projek penyiasatan semasa menjalani latihan mengajar dengan menggunakan Garis Panduan Guru.

Skop Kajian

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk mengumpul maklumat. Seramai 107 orang sampel yang terdiri daripada pelajar prasiswazah dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak dipilih untuk menjawab soalselidik dan 5 orang pelajar ditemubual dengan menggunakan protokol temubual.

Kajian Literatur

Berdasarkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pada 2010, guru prasekolah perlu memastikan pendidikan prasekolah yang diberikan adalah berkualiti supaya dapat memastikan peningkatan minat dan kesinambungan kepada pendidikan di peringkat yang lebih tinggi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Selain itu, guru prasekolah perlu menguasai segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Souto-Manning dan Dice (2007) juga turut berpendapat bahawa guru prasekolah perlu mengetahui bagaimana untuk menguruskan amalan pengajaran yang berkualiti. Sejakar dengan matlamat menjamin kecekapan guru melalui pelaksanaan dokumen Standard Guru Malaysia, semakan semula KSPK pada tahun 2010 telah diperbaharui pada 2017 untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru prasekolah.

Pelaksanaan pendekatan projek di prasekolah merupakan salah satu pendekatan yang disenaraikan dalam KSPK. Dalam pendekatan projek, proses pengajaran dan pembelajaran berlaku mengikut ciri-ciri yang terkandung dalam kepercayaan konstruktivisme. Pendekatan ini menekankan aktiviti yang berpusatkan murid di mana murid akan memberi idea berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka terhadap sesuatu topik. Pendekatan ini sangat digalakkan untuk dilaksanakan kerana dapat membuka minda kanak-kanak terhadap penguasaan sesuatu topik (Norazizah Abdul Rahman , Sopia Md Yassin dan Noor Ashikin Mohd Yusop, 2016). Kanak-kanak menjadi aktif dalam membina pengetahuan baru berdasarkan pengalaman dan pengetahuan sedia ada melalui pendekatan projek. Kanak-kanak dapat membina pemahaman mereka secara fizikal, sosial melalui penglibatan aktif dengan persekitaran mereka (Katz dan Chad, 2000). Mereka perlu melakukan penyiasatan yang mendalam terhadap topik tersebut untuk mendapat pengetahuan baru yang lebih mendalam terhadap topik yang diminati.

Dua kajian tindakan kolaboratif telah dilakukan di Tunas Permata Universiti Kebangsaan Malaysia oleh Saemah, Ruhizan dan Siti Fatimah pada tahun yang berbeza iaitu 2010 dan 2011 untuk melihat pelaksanaan pendekatan projek dalam kalangan guru-guru tadika. Kajian tindakan ini bertujuan untuk mengkaji persepsi guru-guru yang terlibat dalam proses pelaksanaan pendekatan projek dan kesan pendekatan ini kepada kanak-kanak. Sampel kajian terdiri daripada enam guru tadika di Tunas Permata. Kajian ini dilaksanakan secara dua peringkat. Dapatkan pada peringkat pertama guru-guru menyatakan mereka menghadapi masalah melaksanakan pendekatan ini dan memerlukan pendedahan dan kemahiran untuk melaksanakannya. Selepas melakukan intervensi mereka telah dapat melaksanakan pendekatan ini dengan baik di peringkat kedua dan melihat kesan yang positif terhadap kanak-kanak dalam memperolehi pengetahuan, membina keyakinan dan meningkatkan perkembangan sosial. Dapatkan ini menunjukkan guru perlu diberi pendedahan dan kemahiran dalam melaksanakan pendekatan yang bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru juga perlu diberi latihan

dengan menggunakan modul atau panduan supaya pendekatan ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Menurut Clark (2006) walaupun pendekatan projek ini dijalankan dalam tiga fasa tetapi disebabkan perancangan pengajaran yang khurusus tidak ada untuk dijadikan panduan oleh guru-guru yang tidak berpengalaman maka ia menjadi masalah kepada guru-guru untuk memahami sepenuhnya proses yang terlibat dalam pendekatan projek. Guru-guru baru ini mungkin menghadapi masalah untuk membuat perancangan akibat kekurangan rujukan. Kekeliruan tentang perancangan aktiviti, perancangan masa, penyediaan bahan dan pemantauan ketika menjalankan aktiviti berdasarkan projek boleh mempengaruhi keberkesanannya pelaksanaan pendekatan projek (Noor Miza Abdul Rahman, 2012)

Katz dan Chard (2000) menerangkan bahawa pendekatan projek merupakan satu pendekatan yang kompleks bagi sesetengah guru kerana pelaksanaan pendekatan ini melibatkan pelbagai kemahiran mengajar. Oleh itu guru perlu memainkan peranan untuk membantu pembelajaran kanak-kanak dengan menjadi pembimbing kepada mereka. Guru menggalakkan kanak-kanak untuk berfikir dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna melalui aktiviti dalam projek. Kanak-kanak diberi peluang memperolehi pengalaman melalui kesilapan yang dilakukan di mana mereka akan berfikir untuk membentulkan kesilapan tersebut. Pengalaman ini merupakan pengalaman yang sangat bermakna kepada kanak-kanak dalam membangunkan potensi pembelajaran mereka di peringkat awal (Elliot, 2000).

Aktiviti dalam projek memberikan kanak-kanak untuk mempamerkan kekuatan mereka dengan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap bekerjasama yang boleh meningkatkan keyakinan dan interaksi sosial (Beneke & Ostrosky, 2009). Oleh itu pelajar-pelajar prasiswazah dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak Universiti Pendidikan Sultan Idris perlu melaksanakan pendekatan ini selari dengan kehendak dalam KSPK. Mereka perlu diberi pendedahan sebelum dan semasa menjalani latihan mengajar supaya pendekatan ini dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Adalah penting bagi mereka menyedari manfaat pendekatan ini dalam perubahan aspek tingkah laku kanak-kanak kearah yang positif. Guru juga dapat membantu kanak-kanak mengembangkan beberapa kemahiran asas dalam pendekatan projek (Beneke, Ostrosky, 2015)

Metodologi Kajian

Kajian yang ini adalah kajian campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan dan temu bual. Sampel kajian dipilih secara rawak bertujuan iaitu seramai 107 orang pelajar prasiswazah semester enam dan tujuh. Pemilihan dibuat berdasarkan pengkhususan mereka dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) dan mereka yang sedang menjalani latihan mengajar di TADIKA. Sampel yang seramai 107 ini dipilih untuk menjawab soalselidik dan 5 orang pelajar dipilih secara rawak ditemu bual berkaitan penggunaan Garis Panduan yang diberikan kepada mereka semasa menjalani latihan mengajar. Menurut Chua (2012), dengan menggunakan kaedah tinjauan, pengkaji dapat mengumpul jawapan secara terus daripada subjek kajian.

Instrumen Kajian


Instrumen soal selidik ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu bahagian satu merangkumi maklumat demografi. Dalam bahagian II soal soal selidik ini mengandungi soalan yang berkaitan pengetahuan pelajar prasiswazah (PAKK) tentang pendekatan projek

Protokol temu bual digunakan untuk melihat pengetahuan dan kemahiran pelajar melaksanakan Projek Penyiasatan berdasarkan Garis Panduan guru yang diberi kepada mereka sebagai panduan. Dalam Garis Panduan Guru ini mengandungi langkah-langkah pelaksanaan projek mengikut tiga fasa pelaksanaan iaitu fasa permulaan, fasa perkembangan dan fasa kemuncak. Satu contoh aktiviti projek disertakan sebagai panduan kepada pelajar.

Dapatan Kajian

Pendekatan Yang Sering Digunakan

Rajah 1: Peratusan Pendekatan Yang Sering Digunakan



Hasil analisis dapatan kajian untuk objektif satu mendapati bahawa pendekatan yang selalu digunakan oleh pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di tadika ialah pendekatan bertema dengan jumlah 58 pelajar menggunakan pendekatan bertema, 29 orang pendekatan yang menggabungkan projek dan bertema, 12 orang pelajar menggunakan pendekatan projek dengan pendekatan lain dan 8 orang pelajar sahaja menggunakan pendekatan projek. Secara kesimpulannya, rajah 1 di atas menunjukkan pendekatan yang sering digunakan oleh pelajar ialah pendekatan bertema manakala pendekatan yang jarang digunakan oleh pelajar ialah pendekatan projek.

Tahap Pengetahuan Pelajar ISMP Pendidikan Awal Kanak-Kanak Dalam Melaksanakan Projek Penyiasatan

	N	Mean	Std
Tahap_Pengetahuan	107	2.6998	.26813

Jadual 1: Tahap Pengetahuan Pelajar

Jadual 1 di atas menunjukkan min tahap pengetahuan pelajar ISMP yang menjalani latihan mengajar mengenai Projek Penyiasatan. Min 2.69 adalah hampir kepada skala 3 iaitu pelajar berada pada tahap kurang mengetahui tentang pendekatan ini. Dapatan ini menunjukkan kebanyakan pelajar tidak memahami cara pelaksanaan dan mereka tidak didedahkan secara amali sebelum menjalani latihan mengajar. Mereka lebih suka menggunakan pendekatan bertema dalam pengajaran dan pembelajaran semasa menjalani latihan mengajar

Item	N	Min	Std
Saya tidak mengetahui tentang Pendekatan Projek	107	2.47	.520
Saya mengetahui pendekatan projek terkandung dalam Kurikulum Standard	107	3.32	.560
Prasekolah			
Saya pernah melaksanakan Pendekatan Projek semasa latihan mengajar	107	2.99	.651
Saya tidak pernah melaksanakan Pendekatan Projek semasa latihan mengajar	107	2.47	.619
Saya tidak pernah didedahkan dengan Pendekatan Projek sebelum menjalani latihan mengajar.	107	2.37	.558
Saya kurang mahir untuk melaksanakan Pendekatan Projek semasa latihan mengajar	107	2.77	.608
Saya tidak mengetahui tentang kesan pendekatan projek ini kepada kanak-kanak tadika	107	2.37	.523
Saya kurang pasti tentang keupayaan saya mengendalikan sumber dalam pendekatan projek	107	2.71	.567
Saya kurang pasti untuk menyesuaikan aktiviti dalam Pendekatan Projek berdasarkan pengalaman kanak-kanak.	107	2.74	.572
Saya ingin mengetahui apakah peranan saya semasa melaksanakan Pendekatan Projek	107	3.23	.542
Saya ingin mendapatkan lebih maklumat tentang pelaksanaan Pendekatan Projek	107	3.52	.520
Saya berminat untuk mempelajari Pendekatan Projek	107	3.59	.542
Saya ingin memastikan sama ada aktiviti dalam Pendekatan Projek boleh meningkatkan pembelajaran kanak-kanak dalam tunjang lain	107	3.59	.520
Saya ingin mengetahui sama ada peranan saya sebagai guru berubah apabila melaksanakan Pendekatan Projek	107	3.44	.513
Saya ingin tahu kenapa Pendekatan Projek ini lebih baik daripada kurikulum yang telah digunakan.	107	3.52	.499
Saya ingin tahu kenapa Pendekatan Projek ini lebih baik daripada kurikulum yang telah digunakan.	107	3.56	.499

Jadual 2: Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Projek Penyiasatan

Jadual 2 menunjukkan nilai min tahap pengetahuan pelajar Prasiswazah (PAKK) tentang pendekatan projek. Berdasarkan jadual tersebut nilai min yang paling tinggi ialah 3.59 iaitu bagi dua item, "Saya berminat untuk mempelajari Pendekatan Projek" dan "Saya ingin memastikan pendekatan projek boleh meningkatkan pembelajaran kanak-kanak dalam tunjang lain."

Dapatan menunjukkan min yang sederhana dalam kalangan pelajar Prasiswazah (PAKK) ialah mereka kurang mahir dalam melaksanakan Pendekatan Projek semasa menjalani latihan mengajar dengan min 2.77. Pelajar juga kurang pasti tentang keupayaan mereka dalam mengendalikan sumber dalam pendekatan projek dengan min 2.71.

Dapatan juga menunjukkan min yang paling rendah adalah bagi item "Saya tidak pernah didedahkan dengan Pendekatan Projek sebelum menjalani latihan mengajar" dan "Saya

tidak mengetahui tentang kesan pendekatan projek ini kepada kanak-kanak tadika” iaitu dengan min 2.37

Dapatkan Temu Bual

Data daripada temu bual diperoleh setelah pelajar yang dipilih diberi panduan untuk melaksanakan Projek Penyiasatan semasa menjalani latihan mengajar. Dapatkan menunjukkan pelajar dapat melaksanakan Projek penyiasatan dengan menggunakan Garis Panduan Guru

“Pada pandangan saya. Baguslah projek penyiasatan ni. Emm... sebab kita membuat sesuatu projek ni dengan kanak-kanak sekali. Bukan guru sahaja. Teacher akan guide. Kanak-kanak yang sebetulnya akan buat projek tu. Guru hanya guide sahaja. Secara tidak lansung saya

memberi pembelajaran yang bermakna kepada kanak-kanak. Saya pernah didedah dengan projek ketika saya mula menyambung pengajian di UPSI. Semasa semester 1 penyarah ada memberi tahu tentang projek. Tetapi saya tidak tahu untuk mengaplikasikan projek ini dengan kanak-kanak.. ”GP3

Dapatkan juga menunjukkan pelajar tidak mempunyai satu panduan untuk melaksanakan pendekatan ini. Apabila diberi Garis Panduan Guru, mereka dapat melaksanakannya dengan baik dan berkesan.

“Saya tahu pendekatan projek di wujud dalam KSPK bila saya mula belajar di UPSI.tetapi saya tak tau nak ajar. Bila diberi Garis Panduan ni, memang mudah sebab saya ada rujukan untuk buat projek dengan kanak-kanak...mudah.”GP1

Dapatkan temubual juga menunjukkan pelajar perlu diberi pendedahan dan panduan untuk melaksanakan pendekatan ini supaya mereka dapat mempelbagaikan pendekatan yang digunakan semasa menjalani latihan mengajar.

“Ada. Sebab sebelum. Semasa penyarah datang menyelia kami. Kami diberi apa tu. Garis Panduan Guru projek penyiasatan. Jadi kami dapat penerangan mendalam untuk melaksanakan projek dan pendedahan melalui garis panduan tersebut tersebut.” GP2

Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa pendekatan yang selalu digunakan oleh pelajar prasiswazah (PAKK) ketika menjalani latihan mengajar ialah pendekatan bertema. Manakala pendekatan projek merupakan pendekatan yang jarang dilaksanakan oleh responden kecuali pendekatan projek tersebut telah digabungkan dengan pendekatan lain seperti pendekatan bertema. Perkara ini telah disokong oleh Azizah Zain, Zaharah Othman & Halim Masnan (2017) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa guru prasekolah sering menggunakan pendekatan bertema berbanding dengan pendekatan lain. Hal ini disebabkan pendekatan bertema merupakan pendekatan yang mudah dilaksanakan berbanding dengan pendekatan projek.

Kebanyakan pelajar ISMP (PAKK) mengetahui pendekatan projek terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah (KSPK) dan telah melaksanakan pendekatan tersebut semasa latihan mengajar. Namun begitu, kebanyakan mereka mengatakan bahawa mereka kurang

mahir dalam melaksanakan aktiviti pendekatan projek semasa menjalani latihan mengajar. Perkara ini disokong oleh Noor Miza Abdul Rahman (2015) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa seramai 11 orang guru daripada 25 orang guru yang ditemui bual menyatakan tidak pasti cara menjalankan pendekatan projek di prasekolah. Hal ini jelas terbukti bahawa pelajar ISMP (PAKK) masih memerlukan bimbingan daripada pensyarah penyelia dan guru pembimbing secara praktikal bukan sekadar pengetahuan teori di dalam kelas sahaja.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa masih ada segelintir pelajar latihan mengajar yang harus membaiki dan meningkatkan lagi cara pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan projek. Pengkaji juga mendapati bahawa pelajar latihan mengajar sangat memerlukan bimbingan daripada pensyarah dan guru pembimbing ketika menjalankan aktiviti yang berasaskan pendekatan projek. Hal ini kerana, cara pelaksanaan pendekatan projek haruslah sentiasa diperbaharui agar bersesuaian dengan konsep pembelajaran abad ke-21. Kajian ini dapat memberi kesedaran kepada semua pihak yang terlibat tentang kepentingan pendekatan projek ini kepada kanak-kanak kerana Pendidikan Awal Kanak-Kanak menjadi tunjang utama sebagai asas dan permulaan kepada segala bentuk kemahiran dan pengetahuan kanak-kanak terutamanya kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun.

Rujukan

- Azizah Zain dan Abdul Aziz Abdul Syukor (2012). *Tahap pengetahuan guru-guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan projek di prasekolah*. Dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Awal Kanak-kanak (m.s. 78-80). Kota Baharu: Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu.
- Azizah Zain. (2015). *Pelaksanaan moduk projek penyiasatan dalam meningkatkan komunikasi kanak-kanak prasekolah* (Disertasi kedoktoran). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Beneke, S.J., & Ostrosky, M. (2009). *Teachers' Views Of The Efficacy Of Incorporating The Project approach Into classroom Practice With Diverse Learners*. Early Childhood Research and Practice. Diperolehi Disember 15, 2019 daripada <http://ecrp.uiuc.edu/v11n1/ostrosky.html>
- Beneke, S, Ostrosky, M.M.,(2015) *Effects of the Project Approach on Preschoolers with diverse abilities. Infants and Young Children*. Researchgate
- Clark, A.M (2006). *Changing classroom practice to include the project approach*. Early Childhood
- Elliot, M.J. (2000). *Project Approach: Celebrating Human Dimension Of Learning*. Diperolehi Mac 25, 2019 daripada <http://www.eric.ed.gov/ERICWebPortal>
- Helm, J.H., & Katz, L. G. (2011). *Young investigators: The project approach in the early years*. New York: Teachers College Press.
- Katz, L.G., & Chard, S.C. (2000). *Engaging children's mind: The Project Approach*. (2nd ed.). Stamford, CT: Ablex Publishing Corporation.
- Katz, L. G, Chard, S. C. & Kogan, Y. (2014). *Engaging children's minds: The project approach-third edition*. United Stated of America: Praeger.
- Norazizah Abdul Rahman, Sopia Md Yassin & Noor Ashikin Mohd Yusop. (2016). *Pembelajaran Secara Inisiatif Kanak-Kanak Menerusi Pendekatan Projek: Dari Tumbuh-Tumbuhan Ke Sekaki Payung*. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak, 5(1), 78-95.

- Noor Miza Abdul Rahman, Anna Christina Abdullah & Aznan Che Ahmad. (2012). Aplikasi teknik bercerita dalam kalangan guru prasekolah. Dalam *Prosiding International Conference IPCore USM-UPI* (m.s. 35-40). P. Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Noor Miza Abdul Rahman. (2015). *Pembinaan modul berdasarkan pendekatan projek untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi murid tadika*. Universiti Sains Malaysia, Malaysia
- Pembangunan Kurikulum (2016). *Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Saemah Rahman, Ruhizan Yasin & Siti Fatimah Yasin. (2010). *The Implementation Of Project-based Approach At Preschool Education Program*. Procedia Social and Behaviriol Sciences Diperolehi 10 Januari 2012 daripada www.sciencedirect.com
- Souto-Manning, M. & Dice, J. (2007). *Reflective teaching in the early years: A case for mentoring diverse educators*. Early Childhood Education Journal, 34(6), 425-430.
- Walker, A. & Leary, H. (2009). A Problem Based Learning Metanalysis: Differences Across Problem Types, Implementation Types, Disciplines, and Assessment Levels. *Interdisciplinary Journal of Problem Based Learning*, 3 (1).